



**JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA  
(MAQIS)**

**GARIS PANDUAN PERMOHONAN  
PREMIS KUARANTIN HAIWAN  
(KAMBING/BEBIRI)**

**TAHUN 2025**

Garis panduan pengurusan kuarantin di Premis Kuarantin Haiwan (Kambing/Bebiri) ini boleh berubah dari semasa ke semasa tertakluk kepada arahan Ketua Pengarah selaras dengan Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728].



**(SHAMSUL AKBAR BIN SULAIMAN)**

Ketua Pengarah Kuarantin dan Pemeriksaan

Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS)

Tarikh: 25.07.2025

## KANDUNGAN

BIL.	BUTIRAN	MUKA SURAT
1.	Pendahuluan	1
2.	Tujuan	1
3.	Tafsiran	1
4.	Carta Alir Proses Permohonan Premis Kuarantin Haiwan Kambing/Bebiri	2
5.	Proses Kerja Permohonan Premis Kuarantin Haiwan Kambing/Bebiri	3 – 4
6.	Lampiran 1 – Senarai Semak Dokumen Permohonan Pengisytiharan Premis Kuarantin Kambing/Bebiri	5
7.	Lampiran 2 – Senarai Semak Spesifikasi Premis Kuarantin	6-8
8.	Lampiran 3 – Contoh Papan Tanda Bertiang	9 – 10
9.	Lampiran 4 – Contoh Papan Tanda Tidak Bertiang	11 – 12

## **1. PENDAHULUAN**

- 1.1. Garis panduan bagi permohonan premis kuarantin haiwan kambing/bebiri merupakan pelan sokongan yang perlu dirujuk oleh pemohon sebagai rujukan utama dalam memastikan premis yang dicadangkan memenuhi keperluan yang telah ditetapkan.
- 1.2. Garis panduan ini dikeluarkan bagi pemohon yang mempunyai premis persendirian untuk dijadikan premis kuarantin haiwan kambing/bebiri.
- 1.3. Jarak premis kuarantin dari pintu masuk dan sempadan tidak boleh melebihi radius 25 kilometer (km) secara lurus menggunakan “Google Maps”.
- 1.4. Premis kuarantin berada di kawasan yang terasing (isolated) dari populasi ternakan.
- 1.5. Tiada aktiviti penternakan di dalam lingkungan 50 meter radius daripada premis yang dicadangkan.

## **2. TUJUAN**

- 2.1. Garis panduan permohonan premis kuarantin haiwan kambing/bebiri adalah panduan kepada pemohon premis kuarantin untuk memohon pengisytiharan premis kuarantin serta menjalankan aktiviti kuarantin yang tertakluk di bawah Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728].

## **3. TAFSIRAN**


**Binatang** - Ertinya binatang yang mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya di bawah Akta Binatang 1953 [Akta 647] termasuk kuda, lembu, bebiri, kambing, babi, anjing, kucing dan mana-mana binatang liar berkaki empat yang diletakkan dalam kurungan atau di bawah kawalan, daripada sebarang umur dan jantina dan termasuk burung;

**Pintu Masuk** - Ertinya mana – mana pintu masuk atau pintu keluar sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama;

**Premis Kuarantin** - Ertinya mana-mana premis yang diisytiharkan oleh Ketua Pengarah dibawah perenggan 9(g);

**Pemunya** - Berkenaan dengan barang – barang termasuklah penerima konsainan, pemberi konsain, pengimpor, pengeksport, dan ejen atau seseorang yang memiliki, atau mempunyai apa – apa kawalan ke atas, atau kuasa melupuskan apa – apa tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah, mikroorganisma atau makanan;

## CARTA ALIR PROSES PENDAFTARAN DAN PENGISYTIHARAN PREMIS KUARANTIN HAIWAN (KAMBING/BEBIRI)



**CARTA ALIR PROSES PENDAFTARAN DAN PENGISYTIHARAN PREMIS KUARANTIN  
HAIWAN KAMBING/BEBIRI**

PROSES KERJA	KETERANGAN
<b>Permohonan Pengisytiharan Premis Kuarantin</b>	<p>Bagi pemohon yang ingin mendapatkan kelulusan premis kuarantin haiwan kambing/bebiri bagi tujuan import atau eksport, pemohon perlu menghantar surat permohonan kepada Bahagian Kuarantin, Ibu Pejabat.</p> <p>Pemohon perlu memberikan dokumen yang diperlukan seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1) Maklumat Premis/ Syarikat             <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Surat rasmi permohonan pengisytiharan premis kuarantin haiwan kambing/bebiri kepada Ketua Pengarah MAQIS</li> <li>ii. Salinan kad pengenalan pemohon (hadapan dan belakang)</li> <li>iii. Bil utiliti terkini (elektrik/air/cukai tafsiran)</li> <li>iv. Salinan sijil pendaftaran syarikat (ROC) - SSM</li> <li>v. Salinan SSM - Status pemilikan syarikat (masih sah tempoh)</li> <li>vi. Salinan dokumen status milikan premis/ tanah salinan surat perjanjian sewaan/ pajakan premis Tanah (Jika berkenaan/ sijil carian rasmi)</li> <li>vii. Surat Perlantikan Pegawai Veterinar Bertauliah (sekiranya ada)</li> </ol> </li> <li>2) Susun atur/ <i>Layout</i> Premis/ Syarikat termasuk:             <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Lokasi premis / syarikat</li> <li>ii. Pelan lantai susun atur terperinci / <i>layout</i> premis</li> </ol> </li> <li>3) Permohonan lengkap perlu dihantar dalam tempoh 14 hari bekerja sebelum berlakunya pengimportan. Sekiranya kurang dari tempoh tersebut, permohonan tidak akan diproses.</li> </ol>
<b>Permohonan Yang Diterima Lengkap</b>	<p>Permohonan yang diterima lengkap.</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Bahagian Kuarantin akan mengeluarkan arahan audit kepada MAQIS Negeri untuk audit dan pemeriksaan dijalankan di premis pemohon.</li> </ol>
<b>Permohonan Tidak Lengkap</b>	<p>Pemohon akan dimaklumkan melalui e-mel atau panggilan telefon. Jika tiada sebarang maklum balas, pemohon perlu menghubungi Bahagian Kuarantin, Ibu Pejabat di talian <b>03-8870 8000</b> atau e-mel <a href="mailto:bq@maqis.gov.my">bq@maqis.gov.my</a> bagi menyemak status permohonan.</p>

<b>Pengauditan Premis Pemohon</b>	Pengauditan premis akan dijalankan setelah permohonan yang dihantar lengkap dalam tempoh 5 hari waktu berkerja. Pegawai MAQIS akan menghubungi pemohon bagi tujuan pengauditan premis yang akan dijalankan. Semasa pengauditan dijalankan pemohon perlu ada bersama bagi menandatangani borang pengauditan.
<b>Tidak patuh spesifikasi premis</b>	Bagi permohonan yang <b>TIDAK PATUH</b> sewaktu pengauditan dijalankan, pemohon akan menerima surat cadangan penambahbaikan daripada pihak MAQIS negeri. Setelah membuat penambahbaikan, pemohon boleh membuat permohonan semula kepada pihak MAQIS.
<b>Surat Keputusan</b>	Bagi permohonan yang <b>PATUH</b> sewaktu pengauditan dijalankan, surat keputusan akan dikeluarkan oleh pihak MAQIS.
<b>Papan tanda</b>	<p>Bagi setiap permohonan premis kuarantin yang baharu, pemohon dikehendaki menyediakan papan tanda premis kuarantin mengikut spesifikasi yang ditetapkan dalam Lampiran 3 (bertiang) atau dilampirkan 4 (tidak bertiang).</p> <p>Pemasangan papan tanda ini wajib diselesaikan dalam tempoh satu (1) bulan daripada tarikh kelulusan rasmi dikeluarkan oleh MAQIS.</p> <p>Walau bagaimanapun, bagi premis yang diberikan kelulusan sementara dengan tempoh kurang daripada satu (1) tahun, keperluan pemasangan papan tanda ini adalah dikecualikan.</p>

**LAMPIRAN 1**

**SENARAI SEMAK DOKUMEN BAGI PERMOHONAN PENGISYTIHARAN PREMIS  
KUARANTIN KAMBING/BEBIRI**

Bil.	SENARAI DOKUMEN	Tanda (√)	Tanda (x)	Catatan
1	Surat Permohonan kepada Ketua Pengarah			
2	Surat kelulusan daripada Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) (jika berkenaan).			
3	Salinan kad pengenalan pemohon hadapan dan belakang (salah seorang daripada Status Pemilikan syarikat di SSM)			
4	Salinan Sijil SSM - status pemilikan (yang masih sah)			
5	Salinan Dokumen Status Milikan Premis/Tanah (Geran Tanah)			
6	Salinan surat perjanjian sewaan/pajakan premis/pajak tanah yang telah disahkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (jika berkaitan)			
7	Lakaran ladang/Pelan latar premis / syarikat			
8	Gambar premis haiwan			
9	Salinan pelantikan doktor veterinar (jika ada)			

**LAMPIRAN 2**

**SENARAI SEMAK SPESIFIKASI PREMIS KUARANTIN BAGI KAMBING/BEBIRI**

Bil.	SENARAI SEMAK PREMIS KUARANTIN	Tanda (✓)	Tanda (x)	Catatan
1.0	<b>LOKASI DAN BIOSEKURITI</b>			
1.1	Terasing daripada kawasan atau kumpulan ternakan yang terdekat			
1.2	Mempunyai hubungan jalan raya yang baik dari jalan utama ke premis kuarantin			
1.3	Hanya sebuah pintu digunakan untuk keluar masuk ladang			
1.4	Pagar keselamatan (tinggi pagar 1.8-2.1 meter, dibuat dari jaring dawai bersalut PVC atau galvanis)			
1.5	Takungan pembasmi kuman kenderaan ( <i>Vehicle Dip</i> ) / mist sprayer			
1.6	Takungan kaki ( <i>Foot Bath</i> ) untuk pekerja atau pelawat			
1.7	Papan tanda premis			
2.0	<b>INFRASTRUKTUR DAN KEMUDAHAN ASAS KANDANG</b>			
2.1	<p>Bilangan kandang:</p> <p>Minimum 1 unit kandang diperlukan, bergantung kepada skala penernakkan dan sistem pengurusan.</p> <p>Dalam 1 unit kandang, disarankan ada sekurang-kurangnya 2 petak:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Petak 1: Untuk kambing/bebiri dewasa (induk) atau anak kambing/bebiri.</li> <li>• Petak 2: Untuk pengasingan atau rawatan.</li> </ul> <p>Jarak antara petak disarankan 2 meter untuk pengasingan yang baik.</p> <p>Alternatif:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Boleh juga guna 2 unit kandang tanpa petak.</li> <li>• Jika ada pembiakan, wajib sediakan petak khas yang berasingan.</li> </ul>			

	Kapasiti kandang (per ekor):			
2.2	Minima ikut saiz kambing/bebiri dewasa (Induk): 1.2 – 1.5 m <sup>2</sup> /ekor			
2.3	Jarak antara kandang ke kandang premis yang sama: >6 meter			
2.4	Keluasan ruang lantai yang sesuai dan selesa untuk ternakan: Minima kambing/bebiri dewasa (Induk): 1.0 m <sup>2</sup> /ekor			
2.5	Kandang yang mempunyai tiang yang kukuh diperbuat daripada konkrit atau kayu			
2.6	Bumbung diperbuat daripada zink, atau bahan lain yang sesuai			
2.7	Lantainya dari simen atau kayu yang tahan lama dan tidak mempunyai air yang bertakung ( <i>jika berkaitan</i> )			
2.8	Ketinggian kandang dari lantai ke bumbung > 1.8 meter			
2.9	Ketinggian kandang dari tanah ke lantai kandang > 1.0 meter			
2.10	Palung makanan dan minuman yang mencukupi bagi setiap kandang			
2.11	Terdapat kemudahan tangga ternakan yang sesuai dan kukuh ( <i>ramp</i> )			
2.12	Mempunyai kandang rawatan yang diasingkan daripada kandang ternakan yang sihat			
2.13	Ruang yang sesuai bagi post-mortem			
2.14	Pengudaraan dalam kandang dalam keadaan baik			
2.15	Kebersihan kandang dan kawasan persekitaran premis			
3.0	<b>KAWALAN PENCEMARAN/PELUPUSAN</b>			
3.1	Sistem perparitan utama dan kumbahan berfungsi dengan baik			
3.2	Tempat pelupusan bangkai diselenggara dengan baik Kaedah : Bakar/ Tanam/ Lain – lain			
3.3	Tempat pelupusan najis Kaedah : Sistem kumbahan/ Tanam / Lain – lain			
3.4	Tempat pelupusan sampah yang terurus Kaedah : Bakar/ Tanam / Lain – lain			

3.5	Kawalan pencemaran bau			
3.6	Tempat pelupusan in-situ			
<b>4.0</b>	<b>SUMBER BEKALAN AIR DAN ELEKTRIK</b>			
4.1	Bekalan air bersih (Dirawat/ Tidak Dirawat)			
4.2	Bekalan elektrik (TNB / Solar / Generator)			
<b>5.0</b>	<b>PENYIMPANAN DAN PENSTORAN</b>			
5.1	Stor penyimpanan peralatan			
5.2	Stor makanan			
5.3	Stor penyimpanan ubat			
5.4	Penyimpanan rekod – pengurusan ternakan dan pemeriksaan harian			
<b>6.0</b>	<b>KEMUDAHAN PEKERJA</b>			
6.1	Kasut ladang ( <i>boot</i> )			
6.2	Pakaian seragam			
6.3	Bilik Rehat			
6.4	Buku log keluar/masuk			

LAMPIRAN 3

PAPAN TANDA BERTIANG



## **SPESIFIKASI TERPERINCI:**

### **Bahan Papan Tanda:**

- Papan tanda hendaklah menggunakan **Aluminium Composite Panel (ACP)** atau **Acrylic**.

### **Kerangka (Frame):**

- Kerangka berongga (**Hollow Frame**) bersaiz **1 inci x 1 inci x 1.2 mm** perlu digunakan.

### **Logo:**

- Kedua-dua logo hendaklah bersaiz **12 inci x 12 inci** dengan format **PNG**.

### **Tiang Sokongan:**

- Gunakan dua tiang jenis **Hollow Square** bersaiz **3 inci x 2 inci x 1.8 mm**, dengan ata ta **6 kaki** dari aras tanah.
- Tiang perlu ditanam ke dalam tanah sedalam **1 kaki** dan diperkuuhkan dengan **concrete bar**.

### **Garisan Tepi:**

- Pastikan garisan tepi papan tanda berukuran **3 inci** tebal dan menggunakan warna kod **#028A0F**.

### **Jenis dan Saiz Fon:**

- Gunakan jenis fon **Arial Bold** dengan saiz **140pt**.

### **Latar Belakang dan Pelekat:**

- **Pelekat reflektif silver** mesti digunakan sebagai latar belakang.
- **Pelekat reflektif hijau** digunakan untuk garisan tepi.
- **Pelekat dengan kemasan matte** digunakan untuk tulisan, nombor, dan logo.

### **Kaedah Sambungan dan Pemasangan:**

- Papan tanda perlu disambung menggunakan **bolt** dan **ata** tau melalui **kimpalan**.
- Semua **bolt** dan **nat** mesti diperbuat daripada **besi lembut (M.S)** yang telah **digalvani**.

### **Maklumat Kelulusan dan Tempoh Sah:**

- Maklumat **No. Kelulusan** dan **Tempoh Sah** mesti dipaparkan menggunakan **Frame Partition Acrylic Slot**.

LAMPIRAN 4

PAPAN TANDA TIDAK BERTIANG



## **SPESIFIKASI TERPERINCI:**

### **Bahan Papan Tanda:**

- Gunakan **Aluminium Composite Panel (ACP)** atau **Acrylic** sebagai bahan utama untuk papan tanda.

### **Kerangka (Frame):**

- Gunakan kerangka berongga (**Hollow Frame**) bersaiz **1 inci x 1 inci x 1.2 mm**.

### **Logo:**

- Kedua-dua logo perlu berukuran **12 inci x 12 inci** dan menggunakan format **PNG**.

### **Garisan Tepi:**

- Pastikan garisan tepi berukuran **3 inci** tebal dan menggunakan warna dengan kod **#028A0F**.

### **Jenis dan Saiz Fon:**

- Gunakan jenis fon **Arial Bold** dengan saiz **140pt**.

### **Latar Belakang dan Warna Pelekat:**

- Gunakan **pelekat reflektif silver** sebagai latar belakang.
- **Pelekat reflektif hijau** digunakan untuk garisan tepi.
- **Pelekat dengan kemasan matte** digunakan untuk tulisan, nombor, dan logo.

### **Kaedah Pemasangan:**

- Papan tanda mesti dipasang menggunakan **bolt** dan **nat** pada setiap penjuru.
- Semua **bolt** dan **nat** perlu diperbuat daripada **besi lembut (M.S)** yang telah **digalvani**.

### **Maklumat Kelulusan dan Tempoh Sah:**

- Maklumat **No. Kelulusan** dan **Tempoh Sah** mesti dipaparkan menggunakan **Frame Partition Acrylic Slot**.